

PANTUN MELAYU: PENELITIAN TERHADAP KEINDAHAN DAN KEUNIKANNYA DALAM MASYARAKAT

(Malay Pantun: A Study of its Exquisiteness and Exclusivity in the Society)

Muhammad Haji Salleh
mhs0042@gmail.com

To cite this article (*Rujukan makalah ini*): Muhammad Haji Salleh. (2023). Pantun Melayu: Penelitian terhadap keindahan dan keunikannya dalam masyarakat. *Malay Literature*, 36(1), 47–64. [http://doi.org.10.37052/ml36\(1\)no3](http://doi.org.10.37052/ml36(1)no3)

Received: Peroleh:	26/10/2022	Revised: Semakan	12/4/2023	Accepted: Terima:	13/4/2023	Published online: Terbit dalam talian:	1/6/2023
-----------------------	------------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	----------

Abstrak

Pantun ialah sumber pemikiran, puisi dan kehidupan orang Melayu. Dalam setiap fasa kehidupan, masyarakat mengungkapkan pantun mereka secara tersendiri bagi menggambarkan fasa tersebut. Oleh itu, makalah ini menetengahkan keindahan dan keunikan pantun dalam masyarakat Melayu. Makalah ini juga meneliti tentang keunikan pantun kanak-kanak dengan menjejaki pantun dalam semua fasa zaman kanak-kanak; semenjak kelahiran sebagai bayi, kehidupan mereka dalam buaian, selalunya dengan iringan suara ibu, kakak atau nenek, menyanyi pantun usikan dan berterusan sepanjang zaman awal kanak-kanak dan juga diterapkan dalam permainan mereka. Dalam fasa ini, pantun digunakan dengan lebih serius dengan niat yang lebih bernas untuk menyemai apa-apa yang dianggap oleh masyarakat sebagai tingkah laku yang betul, budi bahasa dan peradaban. Hampir semua pembelajaran melalui pantun ini dilingkarkan di sekeliling rangkap berbentuk dua atau empat baris, rima *ab-ab* dan merupakan medium terbaik yang ditawarkan oleh bahasa itu. Sementara kanak-kanak mengingat kata-kata dalam rangkap pantun itu, mereka juga mengingat pengajaran dan mesej yang terkandung di dalamnya. Pantun juga memberikan latar belakang atau metafora tentang orang

muda dalam melalui kehidupan. Apabila kanak-kanak membesar, pembelajaran menjadi lebih berat kerana maknanya lebih jelas. Di samping itu, apabila perasaan mereka berkembang, pantun mengiringi lelaki dan wanita muda dengan lebih romantik dengan penampilan fungsi pantun paling terkenal yang digunakan dalam fasa ini. Perkara ini merupakan fasa utama dalam kehidupan, dan pantun menjadi medium yang digemari kerana memberikan ruang kepada semua fasa kehidupan ini.

Kata kunci: Pantun, pantun kanak-kanak, metafora kehidupan, nilai, fasa kehidupan, peradaban

Abstract

Pantun is the treasure house of thoughts, poetry and the life of the Malays. In every phase of life, people convey pantun in their own style in order to represent the said phase. Hence, this paper highlights exquisiteness and exclusivity of pantun in the Malay society. This paper also examines the uniqueness of children's pantun, and attempt to study the beauty of children's pantun by tracing them from all phases of childhood, from their arrival as babies, their lives in the cradle, often with the vocal accompaniment of their mother, sister or grandmother; singing playful pantun and continued right through their early childhood and also instilled through games. In this phase, the pantun are more serious with a more thoughtful intention of instilling what the society considers to be proper behaviour, courtesy and civility. Almost all lessons in pantun are enclosed within two or four lines, and ab-ab rhymes, and is considered to be the best medium that is offered in the language. While the children remember the words in the pantun, they also remember the lessons and messages contained within. Pantun also provide a background or metaphors of what young people go through in life. As children grow, the lessons become weightier in nature as the meanings become clearer. In addition, as their emotions develop, the pantun accompany the young men and women more romantically, for which its function is most famous in this phase. These are the main phases of life, and the pantun is a favourable medium that renders its space to all of them.

Keywords: Pantun, children's pantun, metaphors of life, values, phases of life, civility

PENGENALAN

Kebanyakan negara di Asia Tenggara berkongsi sebutir permata sastera berharga yang dikenali sebagai pantun. Walaupun telah digelar dengan pelbagai nama dan menarik minat para ilmuwan serata dunia, namun keaslian dan keunikan pantun diakui sebagai lambang peradaban dan nilai estetika Melayu.

Pantun jelas merupakan keunggulan bakat kreatif masyarakat Nusantara dalam berkongsi warisan bersama. Pantun telah lama menjadi sebahagian daripada identiti rakyat yang disematkan dengan nilai-nilai estetika, pedoman, iringan muzik dan budaya masyarakat. Tambahan pula, khalayak berpendapat bahawa keajaiban sastera Melayu dapat disingkap melalui ketajaman akal masyarakatnya dalam menenun rangkap pantun dengan benang-benang makna dan ekspresi yang indah. Winstedt dan Wilkinson (1961) telah meneliti koleksi pantun dan menegaskan bahawa, “Tiada siapa boleh menganggarkan tahap kecerdikan orang Melayu tanpa memahami pantun...” (hlm. 221). Harun (1989) juga berpendapat bahawa meskipun sifat pantun yang agak pendek namun pantun mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Jelas Harun:

“Ciri yang paling ketara ialah sifat pantun yang agak pendek, tetapi mampu menjadi medium meluahkan perasaan, menyentuh jiwa, pandangan hidup, pemikiran dan jati diri masyarakat penciptanya.”
(Harun, 1989)

Pada dasarnya, penyampaian pantun adalah berbentuk lisan, namun idea dan hikmahnya masih setanding dengan sastera bertulis yang lain. Hal ini dikatakan sedemikian kerana alunan gaya bahasa pantun Melayu yang merdu lagi mengasyikkan dan juga kehalusan metafora yang dipetik atau disandarkan daripada alam semula jadi. Kebanyakan rangkap pantun dan peribahasa Melayu tradisional sering kali dianalogikan dengan persekitaran setempat yang menandakan hubungan yang akrab antara manusia dengan persekitaran mereka (Norazimah et al., 2019).

Kajian oleh Muhammad dan Bazrul (1999) telah berjaya mengumpulkan koleksi pantun daripada 39 dialek Melayu dan 25 bahasa asing termasuklah bahasa Batak, Sunda, Jawa, Manado, Sasak dan Bali. Berdasarkan rekod bertulis, istilah pantun telah diperkenalkan di Malaysia dan di Indonesia kira-kira 400 tahun dahulu. Walau bagaimanapun, teks *Hikayat Raja-raja Pasai* dan *Sejarah Melayu Sulalat al-Salatin* menjadi bukti bahawa pantun telah pun mengakar dalam kehidupan dan budaya masyarakat lebih awal

dari tarikh yang direkodkan. Oleh itu, istilah pantun itu memekar seiring dengan peredaran kesusasteraan Melayu.

Jika ditelusuri, bentuk dan bahasa asal pantun berasal daripada budaya orang Melayu. Za'aba (1965) dan Harun (1989) membuat kesimpulan bahawa pantun merupakan milik orang Melayu. Sejarah pendefinisan pantun pula dapat diperhatikan melalui sumber terawal berjudul *A Dictionary: English and Malayo, Malayo and English* (Bowrey, 1701), yang menakrifkan "*pantoon*" sebagai "irama, rima, rangkap, puisi". Sekitar seabad kemudian, Marsden (1812) mencatatkan pantun sebagai, "bait epigram atau ayat puitis, yang terdiri daripada empat baris pendek berima secara bergantian, dan ideanya disampaikan melalui teknik perbandingan atau kiasan." Perbandingan atau kiasan tersebut dikenali sebagai simile atau peribahasa.

Namun demikian, terdapat satu lagi takrifan baharu yang juga menyokong kedua-dua definisi yang telah dinyatakan. *Malay-English Dictionary* oleh Wilkinson (1959) dan *Kamus Bahasa Melayu* oleh Winstedt (1970) menekankan definisi yang sama seperti yang digariskan oleh Marsden. Pernyataan Wilkinson (1970) lebih jelas dan menyimpulkannya sebagai "simile, pepatah peribahasa, (dengan lanjutan) dan kuatrin" (hlm. 471).

Menurut Wilkinson (1959), makna pertama ialah peribahasa, dengan kiasan manakala yang kedua ialah struktur puisi yang lancar. Za'aba (1965) turut menggambarkan struktur tersebut sebagai "struktur rangkap pantun yang mengiringi orang Melayu sepanjang hayat". Wan Abdul Kadir (1996) menurunkan harapan agar tradisi ini dapat dihayati oleh khalayak seterusnya dan dipelihara agar "tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas".

"Nilai keindahan dalam pantun dapat dihayati oleh setiap lapisan anggota masyarakat dan menjadikannya sebagai suatu tradisi budaya yang popular dan tahan diuji sepanjang zaman." (Wan Abdul Kadir, 1996:91)

METODOLOGI

Keunikan dan keindahan pantun dalam masyarakat yang diteliti adalah berdasarkan sumber kepustakaan. Contoh-contoh pantun yang dikaji juga dipetik daripada buku *Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu* (2005) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Pantun dianalisis dengan melihat struktur, variasi, pembayang, maksud, pemilihan perkataan, keindahan selain bentuk dan tema yang ingin disampaikan.

PANTUN: SEKUNTUM BUNGA MEKAR DI TAMAN BAHASA

Struktur, variasi dan bahasa menjadi bukti khazanah pantun Melayu yang klasik. Dicatatkan bahawa pantun berbentuk garis selari, dendangan (*jingle*) kanak-kanak dan teka-teki merupakan antara struktur terawal. Oleh sebab penyampaian pantun yang lucu namun sarat dengan hikmah, pantun telah didedikasikan dalam pelbagai sektor kehidupan awam dan peribadi. Antaranya termasuklah senandung, emosi romantis, peribahasa berhikmah dan pemerhatian kehidupan. Menurut A. Halim Ali et al. dalam Norazimah et al. (2017), salah satu peranan pantun adalah sebagai “alat untuk mendapat gambaran masyarakat, terutamanya sebagai gambaran minda dan pemikiran masyarakat Melayu, pandangan hidup, harapan, dan cita-cita”. Perkara menarik untuk diperhatikan ialah seni pantun ini telah bertahan berabad-abad sejak permulaan primitifnya, dan kini berkembang pesat serta mampu berdaya saing dengan aneka puisi lain seperti syair, seloka dan mantera.

Tidak dapat dinafikan bahawa pantun ialah sekuntum bunga mekar di taman bahasa dan sastera Melayu. Meskipun struktur pantun ringkas, namun pantun berupaya menyerlahkan kasih sayang, hiburan dan menggambarkan adat resam masyarakat setempat. Kebernasan isi pantun dan penyusunan kata yang unik membuatnya mudah diingati dan telah menarik minat ahli sastera untuk menyebarkan budaya pantun di wilayah masing-masing. Pantun merangsang imaginasi pendengar, dan pantun juga telah melahirkan ramai pengkarya bahasa Melayu baharu di berbagai-bagai wilayah. Sebagai contoh, Pogadaev dan Pogadaeva (2007) menyatakan bahawa pantun Melayu datang ke Rusia melalui Eropah pada akhir kurun ke-19. Beberapa orang penyair moden Rusia juga tertarik kepada pantun dan mencipta puisi dengan menggunakan iramanya. Zalila Sharif (2002) dalam Pogadaev dan Pogadaeva (2007) juga melaporkan bahawa pantun diperkenalkan dalam kesusasteraan di Czechoslovakia sejak abad ke-19 melalui pelibatan Jaroslav Seifert, pengarang yang terkenal selepas beliau pulang dari mengembara ke Indonesia. Beliau menghasilkan pantun yang berjudul “*Dvanact pantoumu o lasce*” (*Dua belas pantoum tentang cinta*).

Proses mengarang pantun memerlukan kreativiti dan kehalusan rasa dalam membentuk rangkap yang baik dari segi mematu rima (hujung, tengah), mencipta ritma (jeda, aliterasi, asonansi, perulangan), mengawal dan menyusun baris, menyukat suku kata, memilih pembayang, merenung idea dan memastikan kaitan antara idea dengan metafora (Siti Hajar, 2013).

Pantun berikut merupakan salah sebuah rangkap pantun yang paling terkenal dan sempurna, diiringi oleh rangkaian bunyi selari, elemen asonansi dan aliterasi yang harmoni seterusnya mencipta simfoni muzik yang merdu:

Air yang dalam bertambah dalam,
Hujan di hulu belumlah teduh;
Hati yang dendam bertambah dendam,
Dendam dahulu belumlah sembuh.

(*Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*, 2005)

Pantun Melayu juga kelihatan unik kerana berupaya menterjemahkan sesuatu perkara dalam kehidupan masyarakat. Sebagai contoh, hubungan antara alam semula jadi dengan rutin harian yang diungkapkan melalui kiasan fonetik dan semantik barangkali telah menjadi inspirasi penghasilan pantun dan peribahasa dua baris di bawah. Nama-nama ikan air masin – siakap, senohong, gelama, ikan duri yang disusun dalam dua baris pertama pantun berikut adalah untuk mencerminkan kelemahan manusia yang meluas. Jika sekali anda bercakap bohong, maka anda akan mula mencuri.

Siakap senohong gelama ikan duri,
Bercakap bohong lama-lama mencuri.

(*Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*, 2005)

Kuplet itu kemudiannya berkembang menjadi kuatrin bagi memperhebat susunan bunyi dan makna sehingga wujudnya pantun empat kerat yang kita kenali pada masa ini. Berdasarkan kreativiti masyarakat, pelbagai variasi struktur pantun telah diperkenalkan oleh para sasterawan seperti pantun enam kerat, lapan kerat, sepuluh kerat, dua belas kerat, empat belas kerat, enam belas kerat, lapan belas kerat, dua puluh kerat dan dua puluh dua kerat yang masih mengekalkan sepasang pembayang dan sepasang makna.

Lanjutan daripada itu, perkembangan variasi pantun telah menyaksikan penghasilan pantun *Alif Ba Ta* oleh Maxwell (1879), iaitu pada setiap baris pertama kuatrin bermula dengan huruf pertama dalam susunan abjad. Pantun Rejang pula, yakni horoskop Melayu diwakili oleh pelbagai haiwan lalu diabadikan dalam pantun. Akhir sekali, kisah rakyat Minangkabau, iaitu Si Bungsu Babilang Malam yang saban hari diceritakan dalam bentuk pantun dan dalam formatnya yang tersendiri.

TEMA

Pantun ialah seni yang telah diiktiraf hampir di seluruh wilayah Nusantara bahkan diangkat nilainya dan diamalkan secara intensif dalam rutin harian pelbagai lapisan masyarakat, baik golongan pembesar mahupun hamba, orang tua mahupun kanak-kanak.

Tema pantun dapat diduga kerana fungsinya yang jelas dan berkait rapat dengan kandungan dan konteks. Antara tema yang dominan ialah kasih sayang, nilai sosial, takdir, kehidupan berumah tangga, dunia kanak-kanak dan situasi ketika bekerja. Pada hakikatnya, pembahagian tema pantun adalah bersifat inklusif dan membenarkan pantun menyentuh lebih daripada satu tema. Contohnya, puisi cinta yang memungkinkan tema takdir bergerak seiring. Kebanyakan tema yang disenaraikan adalah antara pilihan tema yang diketahui ramai, namun masih bertaburan tema-tema yang tersembunyi yang perlu digarap makna tersiratnya.

Tema cinta merupakan tema yang paling dominan, kerana pantun dilihat sebagai medium meluahkan isi hati dan emosi, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Menerusi pembudayaan pantun dalam kehidupan seharian dalam meniti usia yang semakin menginjak ke peringkat dewasa, mereka mula mengarang pantun untuk kegunaan diri sendiri. Pantun cinta ini sering kali dilafazkan di majlis perkahwinan dan majlis-majlis keraian yang lain. Dalam konteks kehidupan harian, masyarakat turut menggunakan pantun untuk memikat dan meluahkan rasa hati kepada pasangan mereka. Pantun cinta yang paling popular ialah pantun yang barangkali disulami dengan rasa kerinduan, emosi yang tidak berbalas, perpisahan, cemburu, kekecewaan, cinta tiga segi dan kemarahan serta dibalas secara terbuka di khalayak umum. Pantun ini dinyatakan dalam kiasan halus yang dibatasi dengan kesopanan sosial. Oleh itu, apabila seseorang dilamun cinta, ungkapan puitis akan terbit serta-merta menerusi ucapan lisan atau diungkapkan melalui tulisan. Harun (1989) dalam Low (2016) melaporkan bahawa sebanyak 60 peratus daripada 3000 rangkap pantun yang dikajinya adalah bertemakan percintaan antara pasangan kekasih. Sebagai contoh:

Kain tudung kain pelangi,
Kain dibeli di kedai Cina;
Sungguh merdu adik menyanyi,
Abang teringat tidur tak lena.

(*Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*, 2005)

Pantun bertemakan cinta ini juga kerap kali dijadikan lirik dalam rangkap-rangkap lagu cinta seperti dandang sayang dari Melaka, dikir barat dari Kelantan dan juga lagu tradisional orang Melayu. Lagu-lagu cinta ini menyentuh pelbagai subjek berdasarkan pengalaman mahupun hanya imaginasi. Tambahan pula, pantun ini juga mungkin menyentuh hubungan yang rumit pada peringkat awal percintaan termasuklah bait-bait pujian, ketidakpastian, kekecewaan, kebahagiaan, kerinduan, kemarahan, cemburu dan lain-lain. Pujian biasanya ditujukan kepada kecantikan seorang gadis, budi bahasanya dan kualiti lain yang serupa. Contoh berikut merupakan pujian kepada gadis dengan kecantikan yang membuat hati pemuisi terpegun dan terpicik kepadanya:

Buah mengkudu kusangka kandis,
Kandis terletak dalam puan;
Gula madu kusangka manis,
Manis lagi senyummu tuan.

Apa guna pasang pelita,
Jikalau tidak dengan sumbunya;
Apa guna bermain mata,
Kalau tidak dengan sungguhnya.

(*Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*, 2005)

Selain itu, tema yang mengangkat nilai sosial juga merangkumi sebahagian besar daripada himpunan pantun. Budi, iaitu kebaikan, rasa terhutang budi terhadap kebajikan seseorang, etika, kesopanan, nilai-nilai kesabaran dan kerja keras, menghormati orang tua – kesemuanya dimuatkan dalam baris-baris pantun. Contoh yang berikut ialah pantun nasihat kepada pendengar agar berhati-hati dalam mencari kawan yang ikhlas dan berbudi bahasa:

Burung gagak terbang sekawan,
Hinggap di punggung kayu meranti;
Kalau hendak mencari kawan,
Pilih yang jujur dan baik hati.

(*Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*, 2005)

Selain itu, keunikan pantun juga dapat dilihat menerusi penerapan pendidikan agama berteraskan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Al-Attas (1972) menjelaskan bahawa pengaruh Islam diserap ke dalam

puisi tradisional setelah kedatangan Islam dan semakin menebal dalam jiwa orang Melayu (hlm. 36). Sikap orang Melayu yang suka menyampaikan sesuatu menggunakan sastera, menyebabkan agama juga perlu disampaikan dalam bentuk sastera (Bazrul, 2014). Jika diteliti, terdapat banyak pantun yang menyampaikan mesej bertemakan agama, moral dan akhlak dan menerapkan nilai-nilai penyampaian dakwah secara tidak langsung. Perkara ini diakui oleh Nor Sahara (2022) yang menyatakan bahawa walaupun penyampaian pantun dalam bentuk seni, pantun juga digunakan sebagai medium untuk menyampaikan dakwah (hlm. 34). Contoh pantun yang digunakan untuk menyampaikan mesej agama adalah seperti yang berikut:

Kalau tuan memetik rambai,
 Rambai ada di hujung dahan;
 Sungguh berpantun kita beramai,
 Berserah kita kepada Tuhan.
 (*Kurik Kundi Merah Saga, Kumpulan Pantun Lisan Melayu, 2005*)

Di samping itu, pantun turut memainkan peranan penting sebagai medium untuk menerapkan budaya umum negara. Kajian Madiawati et al. (2020) mendapati bahawa warisan atau khazanah Melayu dahulu mengandungi aspirasi yang jelas dan merentas zaman dalam memelihara nilai perpaduan. Misalnya, terdapat nasihat berunsur perpaduan dan elemen budaya dari pelbagai aspek, antaranya termasuklah hormat-menghormati, menghormati jiran, budi bahasa, kerjasama, gotong-royong, muafakat, tolong-menolong, bertolak ansur antara satu sama lain dan bersatu padu, diterapkan melalui pantun (Madiawati et al., 2020).

PANTUN DAN PERIBAHASA

Seperti perundangan adat istiadat, pantun juga digunakan dalam peribahasa yang melibatkan perbendaharaan nilai dan norma sosial yang murni dan meliputi aspek yang lebih luas berbanding dengan pantun. Pada dasarnya, peribahasa dikenali dengan hanya satu baris kata yang menyempurnakan lagi dan menambah baik makna sesebuah peribahasa. Lazimnya, pantun peribahasa memiliki kosa kata yang berkualiti di samping pembayangnya yang sangat imaginatif. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Johari (2015) bahawa pembayang pantun peribahasa menjurus kepada maksud yang tersembunyi apabila melihatnya dengan mata hati (hlm. 18).

“Apabila melihat dengan mata hati pembayang pantun peribahasa menjurus kepada maksud yang tersembunyi.” (Johari, 2015:18)

Penghasilan pantun yang terperinci yang menyeimbangkan setiap baris dapat membezakannya dengan berbalas pantun yang lebih spontan dan memerlukan ketangkasan pemantun. Sebagai contoh:

Pisang emas bawa belayar,
Masak sebiji di atas peti;
Hutang emas dapat dibayar,
Hutang budi dibawa mati.

(*Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*, 2005)

Barangkali peribahasa yang termaktub dalam dua baris terakhir yang menjunjung nilai budi bahasa telah berabad lamanya ditemui sebelum digubah membentuk pantun. Peribahasa tersebut didahului dengan sepasang pembayang yang bersesuaian bagi melengkapkan maknanya. Terdapat satu lagi bentuk yang lebih kompleks, iaitu apabila hanya pada baris keempat muncul peribahasanya, manakala tiga baris sebelumnya dikarang sebagai pembayang. Struktur ini meluaskan ruang interpretasi dan memberikan butiran yang mungkin tidak dapat digapai oleh pendengar atau pembaca. Misalnya:

Ada seekor burung pucung,
Leher panjang laksana terong;
Tiada tahu sendiri kosong,
Sebagai kaduk naik junjung.

(*Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*, 2005)

Peribahasa di atas mencitrakan kaduk yang menjalar memanjat tiang kayu seakan-akan melupakan asal usulnya yang hina (di bawah). Penambahan baris sebelumnya yang menyatakan sikap tidak sedar diri telah menyempurnakan makna puisi.

Dalam versi yang lain, pepatah Melayu lama hanya disisipkan di baris ketiga pantun, manakala baris pertama, kedua dan keempat ialah hasil karangan pemuisi. Pantun peribahasa ini mengingatkan pembaca dan pendengar agar merahsiakan sesuatu perkara dengan sempurna.

Anak ikan dimakan ikan,
Anak sia di dalam tuar;
Tahu makan tahu simpan,
Rahsia jangan bagi keluar.

(*Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*, 2005)

Di sini sekali lagi, bait tersebut memberikan butiran tambahan yang membantu menghuraikan makna diiringi dengan baris pembayang dan metafora. Namun begitu, terdapat juga pantun dua kerat yang memuatkan peribahasanya pada baris kedua, manakala baris pertama ialah hasil inisiatif pemuisi. Pada kebiasaannya, pantun ini disampaikan dalam nada gurauan bagi melindungi individu itu daripada rasa malu. Oleh sebab versi ini lebih pendek dan mengguna pakai rima yang beriringan, maka itu pantun tersebut lebih mudah untuk dihayati.

Masuk kandang kambing mengembek,
Masuk kandang kerbau menguak.

(*Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*, 2005)

Natijahnya, pantun peribahasa terdiri daripada bait-bait indah yang menyerlahkan sisi budaya dan ketinggian akal fikiran orang Melayu dalam menyampaikan dan menerapkan elemen nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat.

PANTUN KANAK-KANAK

Pantun bukan sahaja dijadikan sebagai alat hiburan, malah turut diselitkan dalam lagu dan permainan kanak-kanak. Misalnya, permainan tradisional seperti gasing, layang-layang dan guli menjadi elemen pelengkap dalam pantun bagi membangkitkan minat mereka. Menurut Aida Qamariah (2018), pantun kanak-kanak dicipta dengan bentuk dan makna yang ringkas, selaras dengan peningkatan usia kanak-kanak, tahap perkembangan kognitif dan kematangan memandangkan kanak-kanak lebih cenderung untuk memahami sesuatu dalam bahasa yang mudah dan berirama. Putu (2013) menyatakan bahawa murid tidak hanya mengingat bait-bait pantun tersebut malahan terjadi proses kognitif apabila melibatkan proses menghayati pemaknaan bagi mewujudkan kefahaman dan penghayatan dalam penyampaian.

Menurut Alwi Salim (1983) dalam Nordiana et al. (2002), kegunaan pantun meliputi semua perkara, iaitu untuk tujuan mendidik seperti

menasihati atau membentuk akhlak yang baik terutamanya dalam kalangan kanak-kanak. Melalui pantun, nilai-nilai murni dapat diterapkan secara tidak langsung dalam diri kanak-kanak dan mampu melahirkan generasi muda yang bersopan santun sejajar dengan norma masyarakat Malaysia sebagaimana yang dijelaskan seperti yang berikut:

“...orientasi nilai jati diri dalam pantun Melayu adalah terdiri daripada adat dan Islam sebagai sumber nilai, dan kedua hidup beragama, bermasyarakat dan berkeluarga yang melingkungi masyarakat Melayu tradisi dan dibendungi oleh sistem konvensional yang menuntut masyarakat tradisi kepada norma-norma yang baik dalam masyarakat.” (Norazimah et al., 2017)

Senandung

Sebagai pelengkap pantun kanak-kanak, senandung dengan pilihan lagu yang ringkas juga didendangkan secara perlahan-lahan oleh ibu dan saudaramara untuk mendodoikan anak mereka tidur. Walaupun dinyanyikan untuk kanak-kanak yang masih kecil, liriknya acap kali disertakan dengan nasihat dan harapan agar anaknya membesar menjadi insan yang berguna.

Senandung bukanlah sekadar hiburan kosong tetapi disematkan bersama-samanya nilai dan pengajaran seperti kuatrin terkemuka berikut yang memfokuskan kepada betapa rapuhnya kehidupan dunia ini dan menyeru kanak-kanak agar mendalami ilmu agama.

Timang tinggi-tinggi,
Sampai cucur atap;
Belum tumbuh gigi,
Dah pandai baca kitab.

(*Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*, 2005)

Pantun yang dilagukan bukan sekadar dodoian yang sia-sia, bahkan menggalakkan kanak-kanak belajar membaca dan seterusnya membimbing generasi muda untuk menjadi rakyat yang berpengetahuan dan berkemahiran seperti dalam contoh pantun di bawah. Pantun berikut turut dinyanyikan oleh orang dewasa kepada anak-anak mereka sambil menepuk tangan secara berirama:

Pok amai-amai,
Belalang kupu-kupu;
Tepuk biar ramai,
Malam karang upah susu.

Dodoi didodoi,
Dodoilah intan;
Adik dalam endoi,
Putih macam santan.

Dodoi didodoi,
Dodoilah sayang;
Adik dalam endoi,
Cantik bak wayang.

Satu dua tiga enam,
Satu dan enam jadi tujuh;
Buah delima yang ditanam,
Buah berangan hanya tumbuh.
(*Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu, 2005*)

Di sebalik fungsi utama senandung untuk mendodoikan bayi, pada masa yang sama, senandung turut mengutamakan interaksi dan kebergantungan sesama manusia.

Buah cempedak di luar pagar,
Ambil galah tolong jolokkan;
Saya budak baru belajar,
Kalau salah tolong tunjukkan.
(*Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu, 2005*)

Walaupun kebanyakan pantun ditujukan kepada bayi, namun terdapat juga rangkap-rangkap nasihat yang menyasarkan golongan kanak-kanak, seperti yang digambarkan dalam pantun berikut:

Pagi petang siang malam,
Hati terang senang faham.

Satu dua tiga empat,
Siapa cepat dia dapat.
(*Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu, 2005*)

Zurakintan dan Che Ibrahim (2015) melalui kajian mereka menyatakan bahawa fungsi pantun yang bersifat didaktif dan isi kandungannya yang sarat mengandungi maksud tersirat sangat menyumbang ke arah menyuburkan adab dan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat. Pantun juga berperanan sebagai medium sosialisasi untuk memupuk budaya menimba ilmu dalam kalangan generasi muda seperti yang tertera dalam kuartrin berikut:

Dari Pagoh ke Simpang Kiri,
Ambil upah kayuh sampan;
Belajar bersungguh setiap hari,
Supaya cerah masa hadapan.
(*Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*, 2005)

Nilai jati diri dan peri adab yang harus dipatuhi telah banyak diterapkan dalam pantun Melayu sejak zaman masyarakat Melayu tradisi (Norazimah et al., 2017). Antara contoh elemen nilai jati diri yang sering dititikberatkan dalam pantun ialah seseorang itu mesti belajar untuk mempertimbangkan perasaan orang lain berbanding dengan hati sendiri agar tidak seperti “enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing”.

Banyak orang bergelang tangan,
Sahaya seorang bergelang kaki;
Banyak orang larang jangan,
Sahaya seorang turut hati.

Gendang gendut tali kecap,
Kenyang perut senang hati.
(*Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*, 2005)

Tatasusila bermasyarakat dan interaksi sosial yang berkaitan amatlah dititikberatkan dalam kalangan orang Melayu. Nilai-nilai inilah yang dikenali sebagai budi, membawa makna yang kompleks, meliputi nilai kebaikan, kebijaksanaan dan kebajikan (*Kamus Dewan*, 1994:180). Budaya Melayu menjulang budi sebagai nilai tertinggi, yang harus diaplikasikan oleh setiap lapisan masyarakat tidak kira yang tua mahupun muda. Rangkap pantun di bawah menekankan fungsi budi sebagai kayu ukur keharmonian sesebuah kaum:

Kuat rumah kerana sendi,
Rosak sendi rumah binasa;
Kuat bangsa kerana budi,
Rosak budi hancurlah bangsa.

(*Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu, 2005*)

Sebuah lagi pantun merujuk keteguhan institusi kekeluargaan yang mencerminkan ketinggian budi bahasa sesama komuniti. Selagi adat resam “ditatang bagai minyak yang penuh”, selagi itulah budi bahasa terus terbjaja. Dalam salah satu peribahasa Melayu lain, budi ditekankan dengan cara yang berikut:

Anak India membawa madat,
Dari Kedah langsung ke Bali;
Hidup manusia biar beradat,
Bahasa tidak berjual-beli.

Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga;
Hancurlah badan dikandung tanah,
Budi yang baik terkenang jua.

Batang jati kangkung,
Tumbuh rapat di dalam taman;
Suka dipuji gemar disanjung,
Bukanlah sifat orang budiman.

(*Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu, 2005*)

Melalui contoh-contoh di atas, maka terbuktilah bahawa pantun mencerminkan ketinggian akal pemikiran masyarakat Melayu tradisi dalam menyampaikan elemen nilai murni dan menjulang keluhuran ilmu melalui bait-bait makna yang indah yang semestinya memerlukan kreativiti yang tinggi dalam penciptaannya.

KESIMPULAN

Tuntasnya, kajian ini telah memberikan pencerahan tentang keindahan pantun dan betapa fleksibelnya puisi tradisional tersebut dalam kehidupan seharian orang Melayu. Berdasarkan kandungan teks ini, penggunaan pantun terutamanya pantun kanak-kanak, dapat digambarkan sebagai sebuah bentuk puisi beremosi oleh seorang ibu kepada anak yang baru

lahir, juga yang sedang membesar yang tidak lekang dengan usikan manja dan pujian pada setiap baris. Walaupun pemilihan kosa kata yang mudah dan ringkas seperti dalam senandung, namun bayi yang sedang membesar perlahan-lahan dapat menghayati beberapa maknanya melalui nada dan intonasi suara ibu mereka, terutamanya apabila mereka semakin meningkat usia dan mencapai penghayatan yang lebih tinggi terhadap metafora dan bahasa. Tambahan lain, kata-kata nasihat turut diselitkan dalam baris-baris pantun. Dalam pantun bertemakan cinta pula, pasangan kekasih berbalas emosi dan perasaan melalui jenaka, kehalusan peribahasa dan keghairahan yang disematkan pada setiap rangkap. Ketika inilah bunga cinta itu mula memekar subur disirami embun kata puitis. Namun begitu, rangkap-rangkap pantun cinta adalah terhad dan menjadi tanggungjawab generasi muda kini menghimpunkan karya nukilan mereka. Bagi mereka yang mencari ilham dan idea memikat pasangan, koleksi pantun mega seharusnya dirujuk seperti koleksi *Pantun Melayu* (1923) oleh Wilkinson dan Winstedt, *Kumpulan Pantun Melayu* karya Zainal Abu Bakar (2018) dan *Kurik Kundi Merah Saga* (2005) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

RUJUKAN

- Aida Qamariah Ishak. (2018). *Semiotik Riffaterre dalam pantun kanak-kanak*. [Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya]. http://studentsrepo.um.edu.my/12042/1/Aida_Qamariah.pdf
- al-Attas, Syed Muhammad Al-Naquib. (1972). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. ABBIM.
- Bazrul Bahaman. (2014). *Pantun agama: Himpunan pantun yang memberikan pedomam beragama* (Abdullah Hassan, Ed.). PTS Akademia.
- Bowrey, T. (1701). *A dictionary: English and Malayo, Malayo and English*. Sam Bridge.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kurik kundi merah saga: Kumpulan pantun lisan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu tradisional: Satu pembicaraan genre dan fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Johari Yahaya. (2015). Pantun peribahasa Melayu: Analisis daripada perspektif teori pengkaedahan Melayu. [Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Sains Malaysia]. E-prints USM. http://eprints.usm.my/30138/1/JOHARI_YAHYA.pdf
- Kamus Dewan*. (1994). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Low Kok On. (2016). The elements of lust and affection in the love pantuns of Brunei Malays in Sabah. *Malay Literature*, 29(1), 1–21.
- Madiawati Mamat @ Mustafa, Nurhamizah Hashim & Eizah Mat Hussin. (2020). Manifestasi perpaduan dalam era Malaysia baharu melalui kumpulan pantun warisan. *Jurnal Melayu*, 19(1), 75–87. <http://journalarticle.ukm.my/14803/1/39250-124701-1-SM.pdf>
- Marsden, W. (1812). *A dictionary and grammar of the Malayan language*. Cambridge University Press.
- Maxwell, W. E. (1879). *Pantun Alif Ba Ta* (Pilihan). Maxwell 48. Royal Asiatic Society.
- Muhammad Haji Salleh & Bazrul Bahaman. (1999). *Sejarah kritis asal-usul perkembangan, sebaran bentuk, estetika pantun nusantara*. Laporan Penyelidikan IRPA. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norazimah Zakaria, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Mimi Hanida Abdul Mutalib, Alizah Lambri, Siti Salwa Jamaldin, Mashitah Sulaiman & Rosmah Derak. (2017). Akal budi dan cerminan jati diri Melayu dalam pantun. *Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal*, 4, 89–97.
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Alizah Lambri, Nordiana Hamzah & Normarini Norzan. (2019). The beauty and benefits of proverbs as a symbol of the mind. *Journal of Advanced Research in Dynamical & Control Systems*, 11(07). https://www.researchgate.net/publication/337532783_The_Beauty_And_Benefits_Of_Proverbs_As_A_Symbol_Of_The_Mind
- Nordiana Ab Jabar, Mohd Saipuddin Suliman, Suraya Sukri, Ainul Wahida Radzuan & Siti Nur Anis Muhammad Apandi. (2002). Pembentukan jati diri kanak-kanak melalui teks “Adik sayang pantun”. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 10(2), 88–98. <http://journal.umk.edu.my/index.php/teniat/article/view/958>
- Nor Sahara Mesman. (2022). Manifestasi penciptaan pantun berlagu dalam cerita rakyat negeri Pahang. *Jurnal Peradaban Melayu*, 1(17), 27–34. <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/5283>
- Pogadaev, V., & Pogadaeva, A. (2007, 6–7 Disember). *Pantun Melayu ala Rusia*. [Kertas kerja]. Seminar Pantun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://eprints.um.edu.my/25023/1/Pantun%20Melayu%20ala%20Rusia.pdf>
- Putu Ayub. (2013). Revisi taksonomi pembelajaran Benyamin S. Bloom. Dalam Ros Kartini & Abdul Halim Ali, *Mencanai pemikiran kritis kanak-kanak menerusi pantun*. https://www.researchgate.net/publication/355737245_MENCANAI_PEMIKIRAN_KRITIS_KANAK-KANAK_MENERUSI_PANTUN

- Siti Hajar Che Man. (2013). Kelestarian pantun: Rencah dan leluhur bangsa dulu, kini dan selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 1(1). 75–81. https://www.ukm.my/jatma/wp-content/uploads/makalah/IMAN1_6.pdf
- Wan Abd. Kadir Wan Yusoff. (1996). *Pantun motivasi masyarakat*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Wilkinson, R. J. (1959). *A Malay-English dictionary (Romanised)*. Macmillan.
- Winstedt, R. O. (1970). *Kamus bahasa Melayu*. Marican.
- Winstedt, R. O., & Wilkinson, R. J. (1961). *Pantun Melayu* (4th ed.). Malaya Publishing House Limited.
- Za'ba. (1965). *Ilmu mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Bakar. (2018). *Kumpulan pantun Melayu (Cetakan kedua)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zalila Sharif, (2002). Daripada pantun kepada pantoum. Dlm. Pogadaev & Pogadaeva, *Kertas kerja pantun Melayu ala Rusia*. <https://eprints.um.edu.my/25023/1/Pantun%20Melayu%20ala%20Rusia.pdf>
- Zurakintan Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2015). Pemikiran Melayu tentang ilmu dan adab dalam puisi melayu tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)*, 3(2). 121–129. <https://core.ac.uk/download/33344506.pdf>